

Oleh INTAN ABDULLAH

**KUALA LUMPUR:** Pengarah Pusat Penyelidikan, Merdeka Center, Ibrahim Suffian mendakwa arus politik perdana kini mula berada 'dalam kawalan' semula oleh Umno-BN, yang memberikan kelebihan kepada Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Razak untuk menentukan tarikh pilihan raya.

"Jika melihat kepada *timing* yang sesuai, sememangnya Najib mahu membina pilihan atau option untuk menghadapi PRU-13 akan datang," ujarnya kepada *Harakah*. Bagaimanapun, beliau berkata antara penentu utama yang diambil kira Najib dalam memutuskan tarikh tersebut adalah melibatkan tarikh pilihan raya negeri Sarawak.

"Ini adalah kerana Najib tidak

## Benarkah Umno-BN dalam keadaan selesa?

mendapat gambaran mengenai politik di Sarawak sekarang tetapi antara bacaan yang boleh dibuat ialah selepas memperolehi kemenangan besar di sana nanti ia akan dijadikan sebagai *boost-up* atau pembakar semangat kepada *mood* rakyat untuk menyokong Umno-BN pada PRU-13 kelak.

"Begitu juga sekiranya kemenangan yang diperolehi mereka itu tidak *solid* yakni terdapat penambahan kerusi di pihak pembangkang, maka Umno-BN akan mem-

buat post mortem terhadap strategi untuk digunapakai pada pilihan raya umum selepasnya," katanya.

Tambahnya, walaupun BN dijangka terus memenangi pilihan raya negeri itu, tetapi bilangan kerusi yang diperolehi pembangkang akan menjadi kayu ukur kepada kekuatan dan kelemahan BN. Sungguhpun begitu Ibrahim menjangkakan PRU-13 akan dilaksanakan selepas Pilihan Raya Negeri Sarawak, walaupun ada yang berpendapat ianya berkemungkinan dilaksanakan

serentak. Antara hujah yang diambil kira ujarnya, ekonomi negara yang berkembang dengan positif.

Desas-desus tarikh pilihan umum semakin kuat ke lantaran terdapat cakap pemerhati politik yang keadaan kerajaan dan U yang kelihatan kondusif ini. Manakala Ketua Pem Parlimen, Dato' Seri Anwar pula menjangkakan ianya berlaku pada Mac 2011 aka